

'Ingatkan mereka *main-main*'

Pasangan warga emas gembira dapat rumah baharu lebih selesa

BATU PAHAT - "Terkejut kami bila ada satu kumpulan anak muda datang beritahu kami bakal dapat rumah baru. Mulanya kami ingatkan mereka main-main, tapi rupanya betul," kata Saripin Royan, 82.

Saripin dan isterinya, Siti Mariam Asri, 72, adalah pasangan warga emas yang menerima bantuan pembinaan rumah baharu oleh kerajaan negeri melalui projek Rumah Ihsan Johor yang dibina oleh sukarelawan Ihsan Johor Rangers (IJR).

Rumah pasangan warga emas berkenaan, yang terletak di Kampung Sungai Jambi Tengah, Rengit ini adalah pembinaan yang ke-14 dilakukan sukarelawan IJR14.

Saripin berkata, dia tidak menyangka akan mendapat rumah baharu dan bersyukur kerana selepas ini mendiami kediaman lebih selesa.

Menurutnya, sebelum ini rumah didiami mereka dibina dari kayu dan sebahagian daripadanya sudah reput, terutama di bahagian lantai serta



Antara mereka yang terlibat dalam pembinaan Rumah Ihsan Johor yang ke-14 di Kampung Sungai Jambi Tengah di Rengit, Batu Pahat.

bumbung telah mula bocor.

"Kami dah tinggal bersama di rumah ini lebih 50 tahun. Saya pula tinggal di sini sejak kecil lagi, memandangkan ia rumah pusaka daripada kedua ibu bapa saya.

"Alhamdulillah. Saya tak tahu nak ucap terima kasih pada siapa. Cuma saya diberitahu bantuan ini diberikan kepada kami oleh kerajaan negeri Johor, yang di bawah pimpinan Menteri Besar.

"Saya juga bersyukur dengan adanya rumah baru ini ia akan memudahkan pergerakan isteri saya yang kini tidak mampu berjalan dengan sempurna," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, Ketua Projek IJR14, Mohd Kamal Ulum Morsin berkata, pembinaan rumah ini hanya mengambil masa tiga hari untuk disiapkan kerana ia menggunakan kaedah pasang siap.

Katanya, rumah ini dibina dengan tiga bilik serta sebuah bilik air dengan anggaran kos sebanyak RM48,000 dan pembinaannya melibatkan 30 sukarelawan IJR.

"Antara mereka yang terlibat ialah sukarelawan dari Kolej Komuniti Yayasan Pelajaran Johor (YPI) Kluang, Johor School Leaders Council Alumni, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Pertubuhan Belia

INFO • Pembinaan rumah yang ke-14 dilakukan oleh sukarelawan berkenaan

Tampok (Beta) serta penduduk kampung.

"Pada pembinaan rumah ini, kami melaksanakan satu perbezaan dengan rumah yang sebelumnya, terutamanya bilik air yang agak luas untuk memudahkan pasangan ini termasuklah isterinya yang merupakan orang kurang upaya (OKU).

"Selain melaksanakan program dan aktiviti kebajikan, program ini juga akan memupuk semangat sukarela dalam kalangan peserta terutamanya anak muda yang bakal menjadi pemimpin kelak," katanya.

Dalam pada itu, hadir sama dalam penyerahan berkenaan ialah Adun Rengit, Ayub Jamil dan Pengarah Ihsan Johor, Azhar Zainal Abidin.

REAKSI



Saya anak jati Johor akan tetap sokong JDJ, akan menang setelah 25 tahun menunggu."
- Mohd Rozi Rosli, 30



Walaupun saya ni anak kelahiran Pahang, tapi pada perlawanan akhir ni saya menyokong pasukan JDJ."
- Neera Azizi, 19